



04 NOV, 2022

U-Science UMS terima Anugerah Khas Penyertaan Tertinggi IPT

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

U-Science UMS terima Anugerah Khas Penyertaan Tertinggi IPT

KOTA KINABALU: U-Science Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Penyertaan Tertinggi peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada Karnival Sains Sabah 2022.

U-Science muncul sebagai pemenang anugerah tersebut apabila mencatatkan pencapaian 48,419 penyertaan pelajar sekolah menengah, sekolah rendah dan IPT dalam 10 program yang telah dilaksanakan.

Majlis penyampaian anugerah disampaikan Setiausaha Tetap, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah, Datuk Zainudin Aman kepada Ketua U-Science UMS, Haji Zawawi Datuk Tiyunin pada Majlis Penuutupan Karnival Sains Sabah, di sini, pada Selasa.

Menurut Zawawi, beliau tidak menyangka pihaknya dinobatkan anugerah tersebut, kerana selama ini U-Science lebih memfokuskan matlamat untuk memastikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) diterapkan dalam kalangan para pelajar bermula di peringkat awal usia.

“Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada KSTI atas penganugerahan dan sokongan terhadap U-Science selama ini.

“Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Pusat Sains Negara, Akademi Sains Malaysia, Petrosains, Planetarium Negara, Pusat STEM Negara, Jabatan Kimia Malaysia, Lembaga

Perlesenan Tenaga Atom, Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Sabah Stargazers dan semua rakan-rakan strategik U-Science.

“Sesungguhnya, ini merupakan satu pengiktirafan bermakna kepada kita dan UMS secara keseluruhannya,” katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kasim Hj. Mansor turut melahirkan rasa gembira atas pencapaian tersebut.

“Pencapaian ini menyudahkan peranan dan sumbangan UMS kepada komuniti dalam menyemarakkan minat dan budaya STEM di Sabah.

“Tahniah saya ucapkan kepada Zawawi serta keseluruhan pasukan U-Science,” katanya.

Untuk rekod, U-Science merupakan pusat perkhidmatan STEM setempat dan Hub STEM di UMS kepada pelbagai peringkat sekolah.

Ia antara lain bertanggungjawab menggalakkan minat pelajar terhadap STEM selain menggalakkan kreativiti dan inovasi bagi menyediakan lebih ramai murid yang berkelayakan dapat meneruskan pengajian di peringkat tertiar dalam bidang Sains dan Teknologi.



KASIM



04 NOV, 2022

U-Science UMS terima Anugerah Khas Penyertaan Tertinggi IPT

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: UScience Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Penyertaan Tertinggi peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada Karnival Sains Sabah 2022. U-Science muncul sebagai pemenang anugerah tersebut apabila mencatatkan pencapaian 48,419 penyertaan pelajar sekolah menengah, sekolah rendah dan IPT dalam 10 program yang telah dilaksanakan.